

Tokoh pujangga Arab:
Memperkatakan Pujangga al-Aqqad Dalam Beberapa Segi

(Oleh: Sabri Salamun)

(II)

Al-Aqqad dengan wanita:

al-Aqqad tidak berkahwin di sepanjang hayatnya, ia lebih suka hidup membujang. Ini bukanlah bererti yang beliau seorang pujangga anti wanita, atau gagal dalam percintaan dengan seseorang gadis pujaan hatinya – sebagaimana sangkaan setengah orang – juga dengan mengasingkan diri dari wanita bukanlah bererti yang beliau tidak mengambil pusing langsung dengan masalah-masalah atau kemusykilan-kemusykilan yang dihadapi oleh kaum wanita, khususnya dalam soal memperbaiki moral anak-anak gadis.

Memperkatakan tentang wanita pujangga al-Aqqad berpendapat bahawa wanita adalah satu kaum yang paling sibuk dengan urusan rumah tangga, tegasnya jikalau mereka itu sibuk dengan urusan bekerja di luar kawasan rumah tangga, seperti bekerja di pejabat, atau di syarikat-syarikat tentulah mereka tidak dapat menyempurnakan tugas rumah tangga dengan sepenuhnya. Walau bagaiman sekali pun kaum wanita tak dapat akan mencapai atau menyamai tenaga kaum laki-laki yang tidak punya banyak halangan di lapangan hidup seperti yang ada pada kaum wanita; yang mana halangan-halangan yang saya katakan ada pada kaum wanita itu ialah seperti datang bulan, mengandung, sakit dalam masa mengandung, melahirkan anak, mengasuh anak dan seterusnya.

Jadi menurut pendapat al-Aqqad bahawa wanita itu tak lebih dari seorang ibu; setiap wanita bercita-cita hendak menjadi ibu bagi anak-anaknya, maka mereka haruslah

hidup di rumah sahaja, tegasnya mereka harus mengutamakan tugas selaku seorang pengasuh dan pendidik anak-anak mereka dalam rumah tangga mereka sendiri, dan tidak harus merayau-rayau mencari pekerjaan lain di luar rumah tangga.

Pendapat beliau tentang kaum wanita tidak harus bekerja di luar rumah tangga mereka sendiri; pada mulanya mendapat tentangan hebat dari seluruh kaum wanita Arab - khususnya dari golongan wanita-wanita *modern* yang sudah tergila-gila dengan pangkat dan ketamadunan hidup yang melampaui batas; tetapi pada akhirnya kebenaran pendapat yang beliau kemukakan itu diakui oleh sebahagian besar dari kaum wanita sendiri. Meskipun pujangga al-Aqqad tidak pernah menempuh dunia rumah tangga – kerana beliau tidak berkahwin selama hayatnya – namun begitu pujangga serba *complex* ini banyak sekali memperkatakan soal-soal yang berhubung dengan kaum wanita dan beliau telah sering kali menyelesaikan masalah-masalah dan kemusykilan-kemusykilan yang dihadapi oleh kaum wanita di dalam masyarakat. Bukunya yang paling masyhur mengupas tentang soal kaum wanita ialah: “*al-Mar’atu fī al-Qur’ān*” dan *Hadhihi al-Shajarah*”.

Di bidang politik:

Selain daripada pujangga al-Aqqad mempunyai sifat genius yang istimewa sebagai satu ciri peribadinya yang tersendiri dalam cara berfikir; maka di sana ada lagi satu sifat yang istimewa dan sangat jelas bagi



Pujangga Abbas Mahmud al-Aqqad

orang-orang mengikuti sejarah perjuangannya dan mengikuti perkembangan fikirannya yang sudah tersiar di buku-buku, di majalah-majalah dan akhbar-akhbar. Sifat yang saya maksudkan itu ialah sifat berterus terang dan berani menentang sesiapa jua pun demi untuk menegakkan kebenaran dan hak. Pujangga al-Aqqad banyak sekali melancarkan serangan dan melakukan pertentangan dalam bidang politik dan sastera. Di dalam bidang politik nama beliau tercatat di dalam lembaran sejarah sebagai seorang manusia yang mempunyai kedudukan tersendiri dan paling serius.

Ketika Revolusi Mesir (1919) meletus, dengan secara diam-diam al-Aqqad menulis siaran-siaran gelap yang diberi nama “Tangan Hitam”. Beliau berdiri menentang wujudnya “Lembaga Milner” yang datang ke Mesir pada waktu revolusi sedang bergelora, yang mana telah mengeluarkan suatu kenyataan bahawa rakyat Mesir telah diberi kemerdekaan secara berkerajaan sendiri (Self Government) kemudian terbit pula surat khabar *agent* penjajah membentangkan bahawa rakyat Mesir telah diberi kerajaan sendiri di bawah panji-panji sistem perlembagaan. Dalam soal ini al-Aqqad tidak berdiam diri, ia lantas bangun menentang berita palsu yang disiarkan oleh akhbar penjajah itu, dengan menyatakan bahawa terjemahan kenyataan Lembaga Milner itu adalah salah. Sebenarnya seluruh rakyat Mesir tidak mahu berkerajaan sendiri yang diciptakan oleh penjajah Inggeris itu. “Kita mahukan kemerdekaan penuh”, laung al-Aqqad dalam rencana penentangan itu. Akhirnya rencana Lembaga Milner itu menemui jalan kegagalan setelah menerima tentangan-tentangan yang hebat dari seluruh rakyat Mesir.

Beliau banyak sekali menulis soal-soal politik; mendedahkan rahsia-rahsia tipu muslihat kaum penjajah; membuka dan menelanjangi rahsia-rahsia kekejaman yang dilaksanakan

oleh pemerintahan *King* Fuad. Karangan-karangannya yang bersemangat terbit setiap hari di akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah luar negeri. Walau bagaimana sekali pun al-Aqqad adalah seorang manusia yang tak terkenal tunduk, kerana kelantangan dan keberaniannya menentang *King* Ahmad Fuad yang terkenal dengan kekayaan dan kemewahannya, mempunyai beberapa buah istana yang agung dan indah, maka *King* Ahmad Fuad telah menggunakan kekuasaannya bertindak menangkap pujangga al-Aqqad dan lantas dijatuhi hukuman penjara. Betapa malangnya nasib pujangga yang membela kebenaran dan menentang kekejaman dari seorang raja yang bersifat zalim, telah dilemparkan ke dalam penjara; padahal pada masa itu al-Aqqad adalah seorang pujangga yang hidup miskin – kais pagi makan pagi kais petang makan petang – duduk di rumah sewa yang kecil dan sempit yang bayaran sewanya tidak lebih dari dua Pound Mesir (\$15/-). Begitulah beliau telah meringkuk di dalam penjara selama sembilan bulan bersama-sama dengan dua orang teman seperjuangannya.

Muhammad al-Tabi'i teman sepenjara dengan al-Aqqad – seorang pengarang dan penulis politik yang terkenal di dunia persuratkhbaran Arab – telah menulis di dalam catitannya mengenai pujangga al-Aqqad sewaktu berada di dalam penjara. Katanya: “Kawanku al-Aqqad dimasukkan ke dalam penjara pada musim dingin, dan pada ketika itu dia dalam keadaan sakit. Kamar tempat al-Aqqad dikurung tersangat kecil dan sempit, dan di sana hanya ada satu lubang kecil yang dipagari dengan dua batang besi waja yang sebesar anak jari; dari lubang yang sekecil itulah tempat memancarnya cahaya matahari masuk menyinari kamarnya yang kecil itu. Angin sejuk di musim dingin bertiup masuk dengan berleluasa, ini yang menyebabkan penyakit yang dihadapi oleh al-Aqqad bertambah tenat.

Bertemu menteri di penjara:

Pada suatu hari Menteri Keadilan Tuan Ali Mahir telah datang melawat penjara. Pengawal membukakan pintu penjara tempat al-Aqqad dikurung dengan mengatakan: “Bahawa Yang Berhormat Tuan Menteri Keadilan tiba . . . !!!”.

al-Aqqad tidak bangun untuk memberi hormat dan mengalu-alukan ketibaan menteri itu, dengan rupa endah tak endah ia duduk bersandar di atas katilnya dengan kaki kanannya ditopangkan di atas kirinya, telapak kakinya yang kanan itu dihadapkan ke muka menteri yang mengunjungi kamar penjaranya itu. Melihat sikap al-Aqqad itu tuan menteri terpegun berdiri; sedang di belakang menteri itu berdiri para pengiringnya yang terdiri dari pembesar-pembesar tentera, yang mereka turut sama terpegun memerhatikan sikap al-Aqqad yang berani itu. Seorang dari mereka lantas menegur pujangga besar itu dengan berkata: “Selamat tengah hari Ustaz al-Aqqad!”.

al-Aqqad tetap membisukan diri. Pengiring menteri itu berkata pula: “Ada apa-apa pengaduan ustaz? . . . Kalau ada apa-apa perkara yang tidak memuaskan hati ustaz, bilanglah kepada kami . . . Supaya dapat kami persampaikan kepada pihak yang berkenaan . . . Bilanglah apa sahaja pengaduan!”

al-Aqqad tetap juga diam tak menjawab. “Ada apa-apa permintaan yang perlu?”, seru salah seorang pengiring menteri yang lain. Tetapi al-Aqqad masih tetap juga membisu.

Tuan menteri berpandang-pandangan dengan para pembesar tentera yang mengiringinya; dengan air muka yang masam menahan marah ia lantas keluar. Pintu kamar penjara ditutup kembali.

Pujangga al-Aqqad dan Yahudi:

Pada suatu hari pujangga al-Aqqad berkata:

“Bukan suatu hal yang menjadi rahsia lagi di kalangan kita seluruh bangsa Arab, bahawa bangsa Yahudi adalah menjadi batu penghalang yang besar sekali bagi kemajuan persuratan Arab. Saya telah banyak menciptakan buku-buku dan di antaranya banyak yang telah disalin dan diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa asing, setengahnya ada disiarkan ke dalam akhbar-akhbar bangsa asing. Tetapi kemudiannya hal itu menjadi sepi. Ini tidak lain ialah gara-gara dari usaha khianat yang dijalankan oleh orang-orang Yahudi yang sentiasa menghalang-halangi kemajuan bangsa Arab dari tersebar ke seluruh dunia. Itulah dia sikap orang-orang Yahudi yang memerangi bangsa Arab dengan segala cara . . .”

Apa yang dikatakan oleh pujangga al-Aqqad itu adalah suatu hakikat yang tidak boleh ditolak-tolak akan kebenarannya dalilnya. Sastera Arab *modern* tidak dapat dialirkan ke negara-negara Eropah, kerana adanya halangan-halangan yang besar dari bangsa Yahudi yang mempunyai di seluruh dunia Eropah. Ini ternyata menunjukkan bahawa perjuangan bangsa Yahudi memerangi bangsa Arab bukan sahaja di bidang politik, tetapi juga di bidang fikiran dan sastera, umumnya di bidang persuratan.

Kalaulah tidak kerana Yahudi jadi batu penghalang dan kalaulah tidak kerana Yahudi jadi biang keladi, maka sudah lama dan banyak bilangan pujangga-pujangga Arab yang mendapat Hadiah Nobel. Mengikut ukuran kritikus bahawa pujangga al-Aqqad berhak menerima dua puluh Hadiah Nobel *International*: kerana buku-buku ciptaannya lebih tinggi nilainya dari buku-buku ciptaan pujangga-pujangga Barat yang pernah memenangi hadiah-hadiah Nobel *International* itu.

Meskipun pada waktu-waktu yang akhir ini penerbit-penerbit asing tidak pernah lagi menerbitkan buku-buku terjemahan karangan pujangga al-Aqqad, namun sebelum itu sudah

banyak buku-buku ciptaannya telah diterjemah dan diterbitkan di dalam bahasa Perancis dan Inggeris.

al-Aqqad anti Kominis¹:

al-Aqqad seorang pujangga yang sangat-sangat menentang fahaman Kominis dan menentang fahaman pihak pelampau. Oleh itu tidaklah hairan kalau dirinya sering diancam dan diugut oleh pihak-pihak pelampau yang berfahaman kiri untuk membunuhnya; tetapi bagi seorang yang telah terkenal dengan pendirinya yang teguh, maka al-Aqqad kembali mencabar terhadap mereka-mereka yang menentangnya dan beliau dengan berani menyatakan kesediaannya untuk berdebat dengan siapa sahaja yang sanggup berdiri berhadapan muka dengannya.

Dahulu, suatu waktu orang pernah menuduh beliau seorang pujangga yang berfahaman kiri – menyokong golongan kiri dan menerima fikiran orang-orang yang berfahaman kiri – tetapi pada hakikatnya al-Aqqad menentang dan tidak sekali-sekali mahu menerima fikiran golongan kiri dan golongan pelampau; ini adalah sesuai dengan dirinya selaku pujangga dan ahli fikir Islam. Beliau mencintai keadilan masyarakat² dan persamaan di dalam ekonomi – beliau menolak untuk berdiri di pihak golongan orang-orang yang menentang nilai *spiritual* – terutama sekali golongan orang-orang yang menentang agama.

al-Aqqad berpendapat bahawa golongan kiri itulah yang dinamakan Kominis yang berselindung di balik tabir (Komunis Abstrekt) meskipun golongan kiri cuba menunjukkan sikap mereka menentang fahaman Kominis, maka itu adalah suatu kepura-puraan sahaja. Begitulah pendirian al-Aqqad dan peribadinya yang terang-terang menolak fahaman Kominis dari golongan kiri.

Tetapi suatu hal yang menghairankan orang, apabila mereka membaca sejarah hidup al-Aqqad, bahawa

¹ Ejaan yang sebenarnya ialah Komunis.

² Ejaan yang sebenarnya ialah masyarakat

beliau pada suatu masa pernah menjadi orang kiri, atau dengan lain perkataan, beliau pernah menjadi seorang dari golongan pelampau, padahal sebagaimana yang kita ketahui menjadi orang yang berfahaman kiri apatah lagi menjadi puak pelampau itu adalah hal-hal yang tidak disetujui sama sekali oleh jiwa al-Aqqad. Tetapi ketika mana dan pada waktu bila beliau bersikap sebagai pelampau atau orang yang berfahaman kiri itu? Jawabnya ialah pada ketika beliau sedang hebat memperjuangkan nasib negara dan rakyat jelata; pada sangat³ itu beliau berdiri di barisan golongan orang kiri demi untuk memperjuangkan kemerdekaan negara dari tindasan penjajah asing. Di sini jelaslah bahawa kekikiran al-Aqqad khusus buat menentang dan menghalau penjajah asing dari bumi Mesir dan buat melepaskan seluruh rakyat dari cengkaman kuku besi penjajah yang kejam dan memang sudah menjadi suatu semboyan yang dilaung-laungkan oleh penjajah, bahawa setiap orang yang menentang dasar pemerintahannya adalah dianggap sebagai Kominis atau orang kiri atau kaum pelampau.

Tetapi setelah keadaan bertukar, negara sudah merdeka dan kaum penjajah yang ditentangnya sudah angkat kaki dari bumi ibu pertiwi yang dicintainya, maka al-Aqqad pun kembali ke jalan asalnya – tidak jadi puak pelampau dan tidak jadi orang kiri lagi - beliau berdiri sebagai manusia *neutral*, penunjuk masyarakat dan membina serta membangunkan semangat dan fikiran umat.

Pengkritik sastera:

Pujangga al-Aqqad terkenal sebagai seorang penentang, bukan sahaja terkenal di bidang politik, tetapi lebih popular lagi penentangannya di bidang kritik sastera. Beliau adalah seorang kritikus ulung yang sanggup

mengkritik habis-habisan secara jujur.

Satu hal yang amat popular di kalangan peminat-peminat sastera Arab, ialah tentang keberanian al-Aqqad menentang dan mencabar penyair Ahmed Shawqi – yang telah mendapat gelaran *title* Raja Penyair Arab – beliau menentang Ahmed Shawqi dari segi gelaran sebagai seorang Raja Penyair Arab yang telah diberikan kepadanya, dan beliau dengan beraninya telah menelanjangi segala kecacatan dan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam puisi-puisi gubahan Shawqi. Kerana dalil-dalil dan alasan-alasan yang ditonjolkannya begitu tepat dan kerana kritikan-kritikannya benar-benar bersikap jujur, terjauh dari pengaruh dorongan rasa *sentiment*, maka penentangan beliau terhadap gelaran Shawqi sebagai Raja Penyair Arab itu mendapat perhatian baik dari para pujangga dan sasterawan-sasterawan di seluruh dunia Arab.

Ahmed Shawqi memang seorang penyair yang popular dan diagung-agungkan oleh rakyat di zaman pemerintahan Raja Fuad, begitu pula al-Aqqad tidak pula kurang popularnya sebagai seorang penyair sezaman dengan Ahmed Shawqi, malahan al-Aqqad lebih *productive* dari Shawqi. Ini terbukti bahawa Shawqi selama hayatnya hanya dapat menghasilkan puisi gubahannya sebanyak tiga buah buku kumpulan (*dīwān*); berbanding dengan al-Aqqad yang telah menghasilkan ratusan puisi ciptaannya yang termuat di dalam dua belas buku kumpulan puisinya yang mengkagumkan para penyair yang seangkatan dengannya.

Di sini orang ramai dapat menghukum, bahawa terdapat dua hal yang bertentangan dari penghidupan dua tokoh penyair Arab itu. Latar belakang kehidupan Shawqi adalah mewah dan lumayan, ertinya Shawqi dari golongan orang yang berketurunan bangsawan hidup senang, kerana beliau dilahir dan dibesarkan di istana, tegasnya beliau seorang keturunan ningrat, sedangkan al-Aqqad seorang keturunan rakyat biasa, dilahirkan dan dibesarkan di daerah perkampungan,

³ Ejaan yang sebenarnya ialah saat

sepanjang hidupnya penuh dengan penderitaan dan perjuangan di samping rakyat jelata.

Di antara sebab-sebab mengapa al-Aqqad enggan mengakui Shawqi sebagai Raja Penyair Arab; ialah mengikut penelitian al-Aqqad sendiri bahawa kegagalan puisi Shawqi berlatar belakang situasi hidupnya yang senang lenang serta mewah, hal mana sudah tentu menjauhkan dirinya dari berdamping dengan rakyat, dan kerana kehidupannya yang senang lenang di istana raja itu maka menyebabkan dirinya tidak dapat meninjau jiwa dan hasrat rakyat jelata.

Mengikut pendapat Dr. Taha Hussein – seorang pujangga Mesir yang sezaman dengan al-Aqqad dan Shawqi – bahawa orang yang berhak menerima gelaran Raja Penyair Arab ialah al-Aqqad sendiri; dengan alasan bahawa al-Aqqad benar-benar seorang penyair yang berjiwa rakyat dan satu-satunya penyair yang paling *productive* yang telah menghasilkan puisi tiga kali ganda dari yang dihasilkan oleh Shawqi. Selain dari itu mengikut Dr. Taha Hussein bahawa al-Aqqad di dalam puisi-puisi gubahannya terdapat ciri-ciri pembaharuan dan ciri-ciri keperibadiannya sendiri. Sedangkan di dalam puisi-puisi ciptaan Shawqi ternyata jalan pengaruh tradisional dan klasik yang ditiru-tiru dari penyair-penyair yang terdahulu. Dua belas antologi (*dīwān*) puisi al-Aqqad sudah cukup buatnya menyandang gelaran Raja Penyair Arab.

Pada hakiknya⁴ mengapa Ahmed Shawqi yang diberikan gelaran Raja Penyair Arab, sedang al-Aqqad yang lebih popular daripadanya tidak mendapat sebarang gelaran? Kerana ketika itu zaman pemerintahan beraja, yang mana raja lebih mengutamakan orang-orang dari golongan istananya; mustahil raja akan memberikan sebarang gelaran kepada golongan rakyat jelata terutama kalau orang itu selalu

mengkritik dan menentang raja seperti pujangga al-Aqqad; meskipun mengikut pertimbangan seumum ahli sastera bahawa penyair al-Aqqad lebih berhak menerima gelaran itu.

Polemik yang terakhir di bidang sastera buat al-Aqqad, ialah persoalan tentang perkembangan puisi Arab *modern*. al-Aqqad sampai ke akhir hayatnya tidak mahu mengakui tentang bentuk puisi Arab *modern* yang diciptakan oleh para penyair angkatan baru sebagai suatu hasil puisi yang boleh dibangga-banggakan; dengan alasan bahawa puisi-puisi yang dikatakan *modern* itu ternyata telah terkeluar dari pengertian puisi yang sebenarnya, dan puisi-puisi *modern* itu lebih tepat kalau dinamakan prosa.

al-Aqqad mahu bagaimana bentuk pembaharuan sekali pun yang akan dibuat oleh penyair-penyair angkatan baru itu, hendaklah tidak terkeluar dari garisan kaedah puisi yang sejati dan hendaklah berkeperibadian Arab tulen; pembaharuan itu jangan sampai dikatakan pembaharuan yang semata-mata mengambil alih dan meniru-niru dari karya-karya yang dihasilkan oleh orang Barat. Pendapat al-Aqqad ini mendapat tentangan hebat dari golongan yang mengaku dirinya “*modernist*” (angkatan muda), meskipun alasan-alasan yang diutarakan oleh golongan angkatan muda itu kurang logik; pada dasarnya hanya mengikut rasa hati yang marah sahaja.

Tamat



Di mata orang-orang yang sopan, mereka tidak terlalu keberatan melihat lembu yang tidak berpakaian, tetapi mereka sangat jijik memandang manusia yang setengah telanjang. Dan semulia-semulia pakaian itu ialah pakaian batin yang dihiasi dengan budi pekerti yang mulia.

“Hukama”

⁴ Ejaan yang sebenarnya ialah hakikatnya